

PREMIS PEMBUATAN KOTAK DIDENDA RM 10,000.00 DI MAHKAMAH SESYEN, MELAKA

16 Disember 2022, MELAKA - Sebuah premis pembuatan kotak, KF Paper Products (Melaka) Sdn Bhd telah disabitkan kesalahan di Mahkamah Sesyen, Melaka pada hari ini.

Pihak premis didapati gagal mengemukakan suatu Perisytiharan Bertulis sistem kawalan pencemaran udara yang telah memenuhi spesifikasi yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling.

Pihak premis telah mengaku salah ke atas pertuduhan di bawah Peraturan 7(5), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM 10,000.00.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka tidak akan berkompromi terhadap penjenayah yang melakukan sebarang jenis pencemaran alam sekitar. Sebarang aduan boleh hubungi di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan.doe.gov.my/eaduan/index.php>.

#KementerianSumberAsliAlamSekitarDanPerubahanIklim

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama